

Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh : 18 September 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 20/2026

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**


YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PENETAPAN HARI RABU SEBAGAI HARI BEKERJA DARI RUMAH BAGI STAF YANG LAYAK HARI
BEKERJA HIBRID DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 15/2026 bertarikh 31 Julai 2026 mengenai Hari Bekerja Hibrid (HBH) Di Universiti Kebangsaan Malaysia, pihak Universiti melalui Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 14/2026 bertarikh 8 September 2026 telah meluluskan pelaksanaan HBH sehari penuh pada setiap hari Rabu mulai 23 September 2026.
3. Sebagai salah satu langkah strategik Universiti dalam mengoptimumkan penggunaan sumber serta menggalakkan amalan penjimatan tenaga, pihak Universiti menetapkan hari Rabu sebagai hari wajib Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi staf yang memenuhi syarat dan kriteria kelayakan HBH.
4. Penetapan hari Rabu sebagai hari wajib BDR ini bertujuan:
 - i. mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di ruang pejabat melalui pengurangan operasi penghawa dingin, pencahayaan dan peralatan elektrik;
 - ii. menyokong usaha kelestarian dan kecekapan pengurusan sumber Universiti; dan
 - iii. memperkukuh pelaksanaan norma kerja hibrid yang fleksibel tanpa menjejaskan produktiviti, keberkesanan serta penyampaian perkhidmatan Universiti.
5. Pelaksanaan BDR pada hari Rabu adalah wajib bagi staf yang telah ditentukan layak untuk melaksanakan HBH, tertakluk kepada fungsi tugas, keperluan perkhidmatan dan kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

6. Walau bagaimanapun, staf yang terlibat dengan tugas yang memerlukan kehadiran fizikal di tempat kerja, urusan rasmi, mesyuarat, program Universiti, penyampaian perkhidmatan atau keperluan operasi yang tidak dapat dilaksanakan secara BDR hendaklah hadir bertugas secara fizikal berdasarkan arahan Ketua PTj. Bagi staf yang perlu hadir bertugas secara fizikal pada hari Rabu, adalah dicadangkan agar penggunaan ruang pejabat dihadkan kepada ruang yang dilengkapi dengan sistem penyaman udara jenis unit asing (split AC), tertakluk kepada kesesuaian dan kapasiti ruang, sebagai salah satu langkah untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga di PTj.

7. Ketua PTj hendaklah memastikan pelaksanaan penetapan hari Rabu sebagai hari wajib BDR dan menentukan satu hari lain untuk BDR di antara hari Selasa atau Khamis di peringkat PTj masing-masing dilaksanakan secara teratur dengan mengambil kira kesinambungan operasi, keperluan pelanggan, penyampaian perkhidmatan serta pematuhan kepada Garis Panduan Hari Bekerja Hibrid UKM yang berkuat kuasa.

8. Penetapan ini akan **berkuat kuasa mulai 23 September 2026 (Rabu)** dan akan dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaannya mencapai objektif penjimatan tenaga tanpa menjejaskan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan Universiti. Bersama-sama ini, dilampirkan infografik sebagai rujukan.

9. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Encik Mohamad Akmal Syahir Mohamad Zabidi, Penolong Pendaftar, Bahagian Pentadbiran & Kemudahan, Jabatan Pendaftar melalui talian:03-9289 7269/03-8921 5075 atau e-mel: akmalsyahir@ukm.edu.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

"IMAN ILMU AMAL"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-undang
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-2-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: www.ukm.my/pendaftar

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my